YAHYA Ibrahim (tengah) bersama pengamal media dan kakitangan UniSZA dalam Majlis Makan Malam Fiesta Sukan UniSZA-Kawat 2013 di Ri-Yaz Heritage Resort Kuala Terengganu, malam kelmarin.

UniSZA ambil pendekatan mesra media

6/03/13 Utusan

KUALA TERENGGANU 5 Mac - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang kini diterajui oleh Naib Canselor baru, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim akan mengambil pendekatan 'mesra media' seiring dengan langkah mengukuhkan imej dan pengembangan institusi itu.

Sambil menghargai peranan media dalam menjayakan promosi, beliau berharap jalinan kerjasama antara kedua belah pihak dapat dipertingkatkan termasuk melalui pelbagai kegiatan yang boleh dilakukan bersama dengan petugas media terutama di negeri ini.

Katanya, pihaknya mengalu-alukan pihak media membuat sebarang liputan di universiti itu yang berkait dengan segala kegiatan warga kampus.

"Saya juga berharap warga UniSZA akan memberikan kerjasama kepada pihak media dalam usaha mempromosikan universiti ini khususnya kepada pihak luar," katanya kepada pemberita selepas Majlis Makan Makan sempena Fiesta Sukan Media UniSZA-Kelab Wartawan Terengganu (Kawat) di Ri-Yaz Heritage Resort & Spa di sini malam tadi.

Kejohanan sukan yang pertama kali diadakan itu melibatkan acara boling, futsal, ping pong dan badminton.

Sementara itu, katanya UniSZA akan membuka pintu lebih luas kepada pelajar asing dengan menyasarkan pengambilan sekurang-kurangnya 200 orang dalam tempoh dua tahun akan datang berbanding hanya 60 pelajar setakat ini.

Beliau berkata, bagi memenuhi sasaran tersebut, pihaknya mula menjelajah ke beberapa negara di rantau ini dalam usaha mempromosikan UniSZA.

Sebagai contoh katanya, pihaknya telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) berhubung pertukaran tenaga pengajar dan pelajar serta program untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi baru-baru ini.

"Ketika mengadakan jelajah promosi di Brunei, kita juga menerima sambutan yang sangat baik apabila 20 pelajar di sana telah diterima untuk menyambung pengajian mereka di UniSZA dalam bidang Pengajian Islam dan Pengurusan.

"Kita juga telah mengadakan promosi sehingga ke Riau, Indonesia dan pihak kolej di sana juga bersetuju mengadakan lawatan balik ke UniSZA tidak lama lagi.

"Pada masa yang sama, wakil daripada sebuah universiti di Aceh juga telah datang ke sini untuk menandatangani MoU dan mereka juga berjanji menghantar 30 pelajar mereka belajar di sini," katanya.